

Kefahaman Kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Kedah Terhadap Konsep Integriti

BITARAVolume 4, Issue 2, 2021: 182-191
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Kedah State Immigration Department Staff's Understanding on the Concept of Integrity]

Anuar Puteh,¹ Nor Akrimi Mohd Ali¹ & Abdul Ghafar Don¹

Abstrak

Integriti sangat diperlukan untuk melahirkan masyarakat yang maju secara profesional dan berakhlak mulia. Kajian ini berdasarkan isu dan masalah integriti yang sering dikaitkan dengan penjawat awam di Malaysia. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji pemahaman kakitangan Jabatan Imigresen Negeri Kedah mengenai konsep integriti. Kajian ini adalah kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Seramai 157 orang responden yang terdiri daripada kakitangan Jabatan Imigresen Kedah telah dipilih sebagai sampel kajian untuk dianalisis bagi mengetahui tahap pemahaman terhadap konsep integriti. Data kajian pula dianalisis secara deskriptif dalam bentuk kekerapan, peratusan, purata (min) dan sisihan piawai. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pemahaman kakitangan Jabatan Imigresen Negeri Kedah mengenai konsep integriti mencatatkan skor min ($m = 4.23$, $sp = .410$). Hasil kajian mendapati pegawai imigresen mempunyai pemahaman yang tinggi mengenai konsep integriti. Berdasarkan hasil kajian, pelbagai usaha harus dilakukan oleh semua segmen masyarakat, institusi pendidikan, institusi agama dan pemerintah untuk memastikan nilai dan nilai peribadi dalam pekerjaan terus ditanamkan dalam kalangan penjawat awam di Malaysia untuk mencapai objektif integriti.

Kata kunci:

Kefahaman, Nilai Integriti, Jabatan Imigresen Malaysia.

Abstract

Integrity is absolutely necessary to produce a society that is professionally advanced and based on noble character. This study based on issues and problems of integrity that often associated with civil servants in Malaysia. The aim of the study is, therefore to examine the understanding of Kedah Immigration Department staff on the concept of integrity. Some of 157 respondents consisting of staff of the Kedah Immigration Department were selected as the study sample to be analyzed to determine the level of understanding on the concept of integrity. The study data was analyzed descriptively in the form of frequency, percentage, mean and standard deviation. The findings of the study show that the level of understanding of Kedah Immigration Department staff on the concept of integrity records a mean score ($m = 4.23$, $sp = .410$). The findings revealed that immigration officers have a high level of understanding on the concept of integrity. Based on the results of the study, various efforts should

¹ Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA

Corresponding Author:

ABDUL GHAFAR DON, Pusat Kajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: a.g.don@ukm.edu.my

be undertaken by all segments of the society, educational institutions, religious institutions and the government to ensure that personal values and values in employment continue to be instilled among civil servants in Malaysia to achieve the objective of integrity.

Keywords:

Understanding, Integrity Values, Malaysian Immigration Department.

Cite This Article:

Anuar Puteh, Nor Akrimi Mohd Ali & Abdul Ghafar Don. 2021. Kefahaman kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Kedah terhadap konsep integriti. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 182-191.

Pengenalan

Kajian ini membincangkan satu aspek penting dalam kehidupan manusia iaitu aspek integriti. Integriti dikatakan penting dalam kehidupan kerana ia adalah jaminan pembentukan insan profesional, dalam masa yang sama ditunjangi dengan akhlak mulia dan etika yang secara langsung akan menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan kecemerlangan organisasi. Masyarakat dan organisasi yang berintegriti pula akan menyumbang kepada kemajuan dan peradaban sesebuah negara. Justeru integriti merupakan satu identiti yang perlu ada bagi setiap individu.

Integriti dalam *Meriam Webster's collegiate Dictionary* (1996) dinyatakan sebagai berpegang teguh kepada kod etika atau peraturan khususnya kod etika moral. Istilah integriti digunakan bagi menggambarkan keadaan yang utuh dan kukuh (Carter 1996), dan memerihalkan keadaan individu yang mempunyai moral yang tinggi (Bauman 2013). Persoalan integriti ditekankan dalam agama Islam khususnya melalui konsep amanah (Al-Qur'an, Surah al-Nisa' 4:58). Menyedari kepentingan integriti sebagai salah satu medium untuk membangunkan modal insan masyarakat, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membudayakan integriti dalam masyarakat di Malaysia melalui penubuhan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Institut Integriti Malaysia pada 23 April 2004.

Tujuan utama integriti diperkenalkan di Malaysia adalah untuk membentuk masyarakat yang utuh ciri-ciri moral dan etika, mempunyai konsep keagamaan dan kerohanian yang tinggi, dan ditunjangi keperibadian yang luhur (PIN 2004). Pengukuhan integriti di Malaysia merupakan satu usaha penting kepada negara kerana kepelbagaian rakyat yang berbilang kaum dan agama di Malaysia. Perbezaan fahaman agama dan adat memerlukan keseragaman konsep agar ia dapat menyatupadukan identiti rakyat Malaysia. Justeru integriti diperkukuhkan untuk menyeragamkan identiti rakyat Malaysia melalui penghayatan konsep-konsep murni.

Kebelakangan ini banyak kes salah laku melibatkan penjawat awam. Statistik daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan sepanjang tahun 2012-2014, ramai penjawat awam yang dikenakan tindakan atas kes salah laku dan sebanyak 688 aduan yang diterima oleh SPRM telah diambil tindakan oleh agensi kerajaan (Azura Sahril 2015). Permulaan tahun 2016 juga dikejutkan dengan penahanan seorang penjawat awam berpangkat

Setiausaha Bahagian Kementerian Belia dan Sukan yang menghadapi 32 pertuduhan rasuah membabitkan jumlah atau nilai yang sangat tinggi iaitu sebanyak RM 38.4 juta (Maisarah 2016). Begitu juga dengan peningkatan aduan orang ramai yang diterima oleh Biro Pengaduan Awam yang membuat aduan tentang kes salah laku dan sebagainya.

Penjawat awam merupakan individu yang bertanggungjawab melaksanakan urus tadbir institusi awam di Malaysia. Oleh itu mereka perlu mempunyai integriti yang tinggi kerana mereka adalah individu yang melaksanakan amanah dan kuasa yang dipertanggungjawabkan menurut kepentingan umum. Menurut Pelan Integriti Nasional (PIN 2004), penjawat awam yang berintegriti perlu telus melakukan suatu pekerjaan dengan tidak menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, keluarga, saudara mara atau kaum kerabat sendiri. Malahan pekerja yang tidak berintegriti akan menjadi pengkhianat kepada organisasi.

Kajian ini memfokuskan aspek integriti dalam kalangan kakitangan salah satu daripada agensi perkhidmatan awam di Malaysia iaitu Jabatan Imigresen Malaysia dengan fokus kepada Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Kedah. Jabatan Imigresen dipilih kerana ia merupakan sebuah agensi yang sangat penting kepada negara. Jabatan ini merupakan sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal Imigresen.

Fungsi Jabatan Imigresen merangkumi urusan pengeluaran pasport, dokumen perjalanan, visa, pas dan permit, mengawal selia pintu sempadan negara yang diwartakan serta menjalankan urusan penguatkuasaan (JIM T.th). Bidang tugas agensi bukan sahaja melibatkan urusan dengan warganegara tetapi turut berurusan dengan warga asing dan pelancong luar. Oleh itu sudah semestinya pegawai Imigresen atau kakitangan di Jabatan Imigresen memerlukan integriti yang tinggi dalam diri kerana tanpa integriti, pegawai dan kakitangan di Jabatan Imigresen sukar mengawal dirinya untuk berpegang kepada konsep murni, maka timbullah isu rasuah, penyelewengan dan sebagainya. Keruntuhan integriti dalam kalangan kakitangan Imigresen membawa kesan yang amat buruk kepada negara kerana ia boleh mengancam keselamatan negara. Tambahan lagi negara Malaysia pada hari ini berdepan dengan masalah yang berkaitan warga asing, isu pembantu rumah dan sebagainya. Oleh itu peranan dan tugas Jabatan Imigresen dilihat semakin meningkat. Hal ini menjadikan kakitangan Jabatan Imigresen amat perlu mengekalkan integriti mereka selaku penjawat awam yang memikul tanggungjawab untuk menjaga kepentingan masyarakat umum.

Metode Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Melalui kajian tinjauan ini, subjek kajian tertumpu kepada menilai aspek kefahaman sampel kajian iaitu kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Kedah terhadap persoalan konsep integriti. Jika berlaku salah laku serta penyelewengan di dalam aspek imigresen ini, maka ianya akan mendatangkan kesan yang agak bahaya kepada negara. Untuk mengimbangi atau mengatasi masalah salah laku serta penyelewengan daripada aspek urusan imigresen ini, maka ditekankan betapa aspek pembinaan dalaman kakitangannya perlu diambil kira seperti aspek integriti.

Jabatan Imigresen dipilih kerana jabatan ini merupakan di antara tulang belakang aspek keselamatan dan kedaulatan negara terutama yang melibatkan urusan di sempadan negara. Manakala Jabatan Imigresen Negeri Kedah dipilih secara khusus kerana ianya terletak berdekatan sempadan negara bagi zon Utara Semenanjung Malaysia.

Kajian ini menggunakan instrumen soal selidik. Penggunaan soal selidik di dalam pengumpulan data membolehkan lebih ramai responden ditinjau dengan cara yang lebih luas dan menyeluruh (Munawar & Nor Shahizan 2012). Soal selidik merupakan satu instrumen yang sering digunakan dalam kajian deskriptif dengan reka bentuk kajian tinjauan kerana melalui kaedah ini kerjasama daripada responden mudah diperolehi. Soal selidik lazimnya digunakan untuk mendapatkan maklumat berkaitan fakta-fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak dan sebagainya (Noraini 2010). Penggunaan soal selidik juga membolehkan pengkaji menggunakan sejumlah responden pada suatu masa dan ini menjimatkan masa dan perbelanjaan bagi sesuatu kajian yang dijalankan.

Satu set soal selidik telah dibentuk untuk memperoleh maklumat mengenai kefahaman responden terhadap konsep integriti. Soal selidik berkaitan kefahaman terhadap konsep integriti yang melibatkan tiga konstruk iaitu kefahaman terhadap istilah, kefahaman terhadap matlamat, kepentingan dan kefahaman terhadap pelaksanaan integriti dibangunkan oleh pengkaji berdasarkan pembacaan pengkaji terhadap karya dan kajian-kajian lepas. Item-item ini dibangunkan sendiri oleh pengkaji dan bukan adaptasi dari kajian-kajian lepas kecuali beberapa item dalam konstruk kefahaman terhadap istilah integriti yang diadaptasi dari kajian Hanafi Hamdani (2014). Borang soal selidik yang telah dibangunkan kemudiannya dirujuk kepada pakar bidang untuk disemak dan disahkan.

Pengkaji mendapatkan kebenaran daripada Jabatan Imigresen Negeri Kedah untuk membuat kajian. Sebelum pendedaran soal selidik, pengkaji bermula dengan proses mendapatkan jumlah populasi kawasan kajian. Seterusnya membuat proses pensampelan untuk menentukan jumlah sampel yang sesuai untuk mewakili keseluruhan populasi seramai 175 orang.

Daripada jumlah 175 orang tersebut, pengkaji mengambil seramai 167 orang sahaja yang terdiri daripada kakitangan beragama Islam atas alasan soal selidik tersebut tidak sesuai untuk orang bukan Islam. Borang soal selidik diedarkan kepada kakitangan Jabatan Imigresen Malaysia, Negeri Kedah melalui serahan tangan. Setiap borang soal selidik disertakan dengan penerangan dan tujuan soal selidik dibina. Pengkaji berjaya mengumpul kembali 162 soal selidik dan 5 soal selidik terpaksa dibuang kerana berlaku ralat yang tidak dapat dielakkan menjadikan 157 soal selidik sahaja sesuai untuk dianalisis. Untuk mendapat nilai kebolehpercayaan item-item dalam soal selidik ini, nilai pekali *alpha Cronbach* oleh Kirk (1984) telah digunakan. Jadual 1 di bawah menunjukkan klasifikasi indeks kebolehpercayaan berdasarkan Nilai Alpha Cronbach.

Jadual 1 Klasifikasi Indeks kebolehppercayaan

Indikator	Nilai Alpha Cronbach
Sangat Tinggi	> 0.90
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 – 0.69
Rendah	< 0.30

Sumber: Kirk (1984)

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis secara deskriptif. Teknik deskriptif bertujuan untuk menghuraikan data yang diperoleh dari soal selidik dan dijelaskan dalam bentuk jadual dan gambar rajah dengan huraiannya dalam bentuk kekerapan, peratusan, purata (min) dan sisihan piawai. Menurut Azizi (2007), statistik deskriptif mengandungi carta, graf dan jadual. Melalui statistik deskriptif hasil dapatan atau rumusan kajian dapat disampaikan dalam bentuk yang mudah difahami oleh kumpulan sasaran. Semua data yang dikodkan dalam borang soal-selidik yang diperoleh daripada responden dimasukkan ke dalam komputer untuk dianalisis menggunakan perisian ‘*Statistical Package for Social Science*’ (SPSS) versi 22.0. Penggunaan program ini membolehkan data kuantitatif dianalisis dengan cepat dan pantas serta memudahkan pengkaji (Bryman & Cramer 2005).

Dapatan Kajian

Kegagalan memahami konsep integriti dengan sebaiknya boleh menyebabkan integriti tidak dapat dicapai dengan sebaiknya (Carter 1996). Oleh itu kefahaman integriti dalam kajian ini diukur melalui kefahaman terhadap konsep istilah integriti sahaja. Analisis deskriptif bahagian ini dilakukan bagi mendapatkan taburan kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai tahap kefahaman responden terhadap istilah integriti.

Bagi konstruk kefahaman terhadap istilah integriti, pengkaji telah mengemukakan lapan item dengan label KI1 hingga KI8. Item KI1 dan KI2 lebih tertumpu kepada maksud keutuhan dan kukuh. Manakala item KI3 dan KI8 adalah istilah integriti yang membawa maksud nilai dan amalan mulia dalam kehidupan. Item KI4 adalah berkaitan konsistensi dalam melakukan amalan mulia, manakala item KI5 berkaitan keselarasan di antara perbuatan dan perkataan. Item KI6 dan KI7 pula adalah berkaitan kesempurnaan seseorang dan aspek memajukan diri untuk menjadi sempurna (integriti). Kesemua item-item yang dikemukakan adalah berdasarkan pandangan pengkaji dan rujukan dari karya dan kajian-kajian lepas seperti PIN (2004), Carter (1996), Palanski & Yammarino (2007&2009), Jamiah Manap et al. (2005) dan Hanafi Hamdani (2014). Analisis kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai ditunjukkan pada jadual 2 di bawah.

Jadual 2 Taburan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai kefahaman responden terhadap istilah integriti

Bil.	Item	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP	INT
KI1	Integriti adalah keadaan sempurna, utuh dan kukuh	-	1 0.6 %	6 3.8 %	99 63.1%	51 32.5 %	4.2 7	.56 2	Tinggi
KI2	Integriti membawa maksud keutuhan peribadi	1 0.6 %	-	2 1.3 %	103 65.6%	51 32.5 %	4.2 9	.55 8	Tinggi
KI3	Integriti adalah himpunan nilai positif dan amalan mulia dalam kehidupan	-	-	8 5.1 %	89 56.7%	60 38.2 %	4.3 3	.57 0	Tinggi
KI4	Integriti adalah konsisten terhadap segala amalan dan perbuatan yang baik	-	1 0.6%	13 8.3 %	86 54.8%	57 36.3 %	4.2 7	.63 4	Tinggi
KI5	Integriti adalah keselarasan di antara percakapan dan perbuatan individu	1 0.6%	2 1.3%	15 9.6 %	91 58.0%	48 30.6 %	4.1 6	.69 6	Tinggi
KI6	Individu yang berintegriti adalah individu yang	1 0.6%	5 3.2%	21 13.4 %	82 52.2%	48 30.6 %	4.0 9	.78 7	Tinggi

	sempurna tingkah laku								
KI7	Integriti adalah membaiki dan memajukan diri dalam setiap tugas agar menjadi sempurna	-	3 1.9%	14 8.9 %	88 56.1%	52 33.1 %	4.2 0	.67 6	Tinggi
KI8	Integriti adalah nilai murni yang selari dengan ajaran setiap agama	-	4 2.5%	13 8.3 %	77 49.0%	63 40.1 %	4.2 7	.71 9	Tinggi
	Jumlah						4.2 3	.41 0	Tinggi

Sumber : Soal Selidik 2017

Perbincangan Dapatan Kajian

Secara keseluruhan kefahaman responden terhadap istilah integriti berada pada tahap tinggi dengan (skor min = 4.23, Sp= .410). Skor min tertinggi adalah pada item KI3 (integriti adalah himpunan nilai positif dan amalan mulia dalam kehidupan), kemudian diikuti dengan item KI2 (integriti membawa maksud keutuhan peribadi), KI4 (integriti adalah konsisten terhadap segala amalan dan perbuatan yang baik), KI8 (integriti adalah nilai murni yang selari dengan ajaran setiap agama), KI1 (integriti adalah keadaan sempurna, utuh dan kukuh), KI7 (integriti adalah membaiki dan memajukan diri dalam setiap tugas), KI5 (integriti adalah keselarasan di antara percakapan dan perbuatan) dan yang terakhir KI6 (individu berintegriti adalah mereka yang sempurna tingkah laku).

Kesemua skor min bagi item-item dalam konstruk ini mencatat jumlah yang tinggi iaitu diantara 4.09 hingga 4.33. Oleh itu dapat difahami bahawa istilah integriti yang diperkenalkan di Malaysia dan digunakan oleh kajian-kajian lepas difahami dengan baik oleh responden. Kefahaman responden terhadap istilah integriti adalah selari dengan pengenalan dan penekanan integriti di Malaysia. Antara istilah yang paling difahami oleh responden adalah item KI3 (integriti adalah himpunan nilai positif dan amalan mulia dalam kehidupan) yang mencatat skor min tertinggi (m=4.33, sp=.570). Item ini dipersetujui oleh 94.9% responden. Tidak ada

responden yang tidak bersetuju dan hanya 8 orang responden tidak pasti dengan pernyataan ini. Hasil kajian ini bertepatan dengan istilah yang dikemukakan oleh PIN (2004) yang mentakrifkan integriti sebagai “kualiti unggul yang wujud secara keseluruhan dan padu pada individu dan organisasi yang berlandaskan etika dan percerminan etika. Kualiti unggul yang berlandaskan etika bermaksud nilai-nilai etika dizahirkan secara keseluruhan oleh seseorang individu. Hasil kajian ini juga selari dengan kajian dari Jamiah Manap et al. (2005) yang mentakrifkan integriti sebagai kesedaran, penghayatan, dan pengetahuan terhadap nilai-nilai murni disertakan komitmen sepenuhnya terhadap nilai-nilai tersebut.

Manakala istilah yang kurang difahami adalah item KI6 (individu yang berintegriti adalah individu yang sempurna tingkah laku) mencatat skor min yang paling rendah berbanding item lain dengan skor ($m=4.09$, $sp=.787$). Hasil kajian ini menunjukkan seramai 3.8% responden tidak bersetuju integriti membawa maksud individu yang sempurna tingkah laku. Manakala lagi 13.4% responden tidak pasti dengan kenyataan ini. Berdasarkan kajian-kajian lepas, integriti digambarkan sebagai manusia yang mempunyai kesedaran dan penghayatan terhadap akhlak (Jamiah Manap et al. 2005). Oleh itu pengkaji berpendapat integriti mengidentitikan manusia yang mempunyai tingkah laku sempurna. Hasil kajian ini menunjukkan responden perlu diberi pendedahan tentang ciri manusia yang layak digelar berintegriti adalah mereka yang bertingkah laku dengan sempurna. Keadaan sempurna yang dimaksudkan bukanlah bermaksud manusia tidak boleh melakukan sebarang kesilapan dalam hidupnya, tetapi manusia seharusnya meminimakan kesilapan dan kesalahan. Dalam hal ini (Ilhamie et al. 2013) berpendapat kesalahan kecil dan ringan yang dilakukan secara tidak sengaja seperti mengeluh kerana mendapat tugas yang banyak, terlewat menghadiri mesyuarat atau terlambat menyiapkan tugas yang ditugaskan tidaklah menjejaskan integriti seseorang, tetapi perkara itu wajib diperbaiki dari semasa ke semasa.

Kesimpulan

Integriti mempunyai kaitan rapat dengan kecekapan dan keberkesanan sesuatu kerja atau tugas yang dilakukan sehingga memberi impak yang positif terhadap peningkatan kualiti dan produktiviti. Seseorang pekerja yang mempunyai integriti yang tinggi akan melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi dan bertanggungjawab berbanding pekerja yang mempunyai nilai integriti yang rendah. Pemahaman terhadap konsep integriti juga penting dan boleh mempengaruhi tahap integriti seseorang pekerja. Penjawat Awam sebagai entiti dalam pentadbiran dan pembangunan negara berperanan penting dalam menentukan keberkesanan dan kecekapan melaksanakan tugas yang boleh menyumbang kepada kualiti perkhidmatan yang diberikan. Penumpuan kajian ini terhadap tahap pemahaman kakitangan awam di jabatan Imigresen Kedah merupakan salah satu indikator dalam mengukur indeks tahap pemahaman kakitangan awam. Justeru, ia memberi implikasi kepada sektor awam yang lain di dalam memahami konsep integriti agar mereka dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik dalam tugas yang diamanahkan.

Penghargaan

Artikel ini adalah sebahagian hasil kajian di bawah geran penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia PP 2019-015.

Rujukan

- al-Quran. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. (2001). Cet. 12. Kuala Lumpur: JAKIM.
- Azizi Yahya. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan: Teori, Analisis Dan Interpretasi Data*. Kuala Lumpur: Pts Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Azura Sahril. (2015). Syor Gubal Peruntukan Salah Laku Pejawat Awam. *Sinar Online*, 12 Februari 2015.
- Bauman, D. C. (2013). Leadership And The Three Faces Of Integrity. *The Leadership Quarterly*, 24(3), 414–426. doi:10.1016/j.leaqua.2013.01.005.
- Bryman, Alan & Cramer, Duncan. (2005). *Quantitative Data Analysis with SPSS 12 and 13: A Guide for Social Scientists*. London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Carter L. Stephen. (1996). *Integrity*. New York: HarperCollins.
- Hanafi Hamdani. 2014. *Integriti Menurut Hadith Nabi: Kajian Terhadap Kefahaman Kakitangan Pentadbiran UITM Shah Alam*. Tesis Sarjana. Jabatan Usuludin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Ilhaamie Abdul Ghani, Syarifah Hayati Syed Ismail, Siti Arni Basir. (2013). Integriti menurut Islam dan Moden. Dlm. *Kualiti Perkhidmatan Awam Di Malaysia Menurut Islam*. Hlm 102-113. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jamiah Manap et al. (2005). Pemantapan Nilai Integriti Individu Sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti. *Seminar Kebangsaan Sumber Manusia*. Universiti Teknologi Malaysia, 2&3 Februari 2005, Johor Baru.
- JIM, Jabatan Imigresen Malaysia (Atas Talian). *Pengenalan*. <http://www.imi.gov.my/index.php/ms/profil-jabatan/pengenalan.html>. [18 Jun 2016].
- JIM, Jabatan Imigresen Malaysia (Atas Talian). *Visi dan Misi*. <http://www.imi.gov.my/index.php/ms/profil-jabatan/visi-dan-misi.html>. [18Jun 2016].
- Kirk, R. E. (1984). *Elementary Statistics*, 2nd ed. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Maisarah Rahim. 2016. Rasuah Dalam Kalangan Penjawat Awam:Di mana Silapnya. *Utusan Online*, 11 April 2016.
- Merriam Webstre's collegiate Dictionary*. (1996). Springfield: Meeriam-Webster Incorporated.
- Munawar Ismail & Nor Shahizan Ali.(2012).*Memahami Kuantitatif dan Kualitatif dalam Penyelidikan Pengajian Islam*.Bangi:Penerbit FPI UKM.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.

Palanski & Yammarino. (2007). Integrity and Leadership: Clearing the Confusion. *European Management Journal*. Vol 21: 171-184.

Pelan Integriti Nasional (PIN). 2017. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia. Diakses melalui laman web http://integriti.my/wp-content/uploads/2017/08/pio_brochure.pdf